

(ULANGAN PEMBETULAN 9 9 9)

EK

PM BERI GAMBARAN KEADAAN KOMODITI KURANG MEMUASKAN.

KUALA LUMPUR, 21 JULAI (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN MASA DEPAN KOMODITI-KOMODITI UTAMA SEBAGAI KURANG MEMUASKAN DENGAN BERKATA BAHAWA +SESETENGAH KOMODITI TELAH SAMPAI PADA PENGHUJUNGNYA+.

BELIAU BERKATA KEJATUHAN DAGANGAN KOMODITI BUKAN BERLAKU MENGIKUT PUSINGAN KERANA PERMINTAAN MENDADAK MENCERMINKAN ALIRAN YANG MEROSOT.

SUDAH BEBERAPA TAHUN LAMANYA, KOMODITI-KOMODITI MENGALAMI KEMEROSOTAN YANG BERANSUR-ANSUR DARI SEGI PERTUMBUHAN PASARAN DAN DALAM SESETENGAH KES DALAM PERMINTAAN PASARAN SEBENAR.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA LIMA HARI MENGENAI KOMODITI DI SINI.

BELIAU BERKATA PERMINTAAN BAGI TIMAH, SEBAGAI CONTOH SEJAK SEPULUH TAHUN LALU ATAU LEBIH TELAH BERKURANGAN DARIPADA KIRA-KIRA 250,000 TONNE KEPADA KIRA-KIRA 150,000 TONNE SETAHUN.

SESETENGAH KOMODITI SEPERTI INDIGO (BAHAN PEWARNA) TELAH LENYAP DARIPADA PASARAN.

KEBANYAKAN LOGAM TELAH MEROSOT UNTUK BEBERAPA LAMA DAN KALAU ADA PERMINTAANPUN HARGA TERUS JATUH, KATANYA.

+BIABANYA AKAN TERDAPAT PERMINTAAN YANG TINGGI TETAPI IA SELALUNYA LENYAP DAN PASTI IA TIDAK AKAN KEKAL LAMA,+ KATANYA.--LAGI.

EK

PM BERI GAMBARAN KEADAAN KOMODITI KURANG MEMUASKAN.

KUALA LUMPUR, 21 JULAI (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN MASA DEPAN KOMODITI-KOMODITI UTAMA SEBAGAI KURANG MEMUASKAN DENGAN BERKATA BAHAWA +SESETENGAH KOMODITI TELAH SAMPAI PADA PENGHUJUNGNYA+.

BELIAU BERKATA KEJATUHAN DAGANGAN KOMODITI BUKAN BERLAKU MENGIKUT PUSINGAN KERANA PERMINTAAN MENDADAK MENCERMINKAN ALIRAN YANG MEROSOT.

SUDAH BEBERAPA TAHUN LAMANYA, KOMODITI-KOMODITI MENGALAMI KEMEROSOTAN YANG BERANSUR-ANSUR DARI SEGI PERTUMBUHAN PASARAN DAN DALAM SESETENGAH KES DALAM PERMINTAAN PASARAN SEBENAR.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA LIMA HARI MENGENAI KOMODITI DI SINI.

BELIAU BERKATA PERMINTAAN BAGI TIMAH, SEBAGAI CONTOH SEJAK SEPULUH TAHUN LALU ATAU LEBIH TELAH BERKURANGAN DARIPADA KIRA-KIRA 250,000 TONNE KEPADA KIRA-KIRA 150,000 TONNE SETAHUN.

SESETENGAH KOMODITI SEPERTI REMPAH BAGI KEGUNAAN KRUBUS TELAH LENYAP DARIPADA PASARAN.

KEBANYAKAN LOGAM TELAH MEROSOT UNTUK BEBERAPA LAMA DAN KALAU ADA PERMINTAAN PUN HARGA TERUS JATUH, KATANYA.

+BIASANYA AKAN TERDAPAT PERMINTAAN YANG TINGGI TETAPI IA SELALUNYA LENYAP DAN PASTI IA TIDAK AKAN KEKAL LAMA,+ KATANYA.

+SELEPAS MENGALAMI KENAIKAN MENDADAK, HARGA-HARGA SEOLAH-OLAH MENUNJUKKAN TANDA JATUH DI BAWAH PARAS HARGA PERMULAAN. KEJATUHAN ITU AKAN BERTERUSAN SEHINGGA TERDAPAT SEDIKIT PERMINTAAN+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ALIANNYA MENUNJUKKAN SATU KEJATUHAN YANG BERTERUSAN.

KENAIKAN HARGA SEOLAH-OLAH BERLAKU UNTUK MEMENUHI KEJATUHAN PERMINTAAN, TETAPI INI TERUTAMANYA DISEBABKAN KEADAAN TURUN-NAIK MATAWANG, KATANYA.

BELIAU MENGANGGAP KENAIKAN HARGA-HARGA TIMAH SECARA BERANSUR-ANSUR SEBELUM KEJATUHAN BESAR SEBAGAI +TIDAK MENBENI KARNA APA-APA+ KEPADA MALAYSIA KERANA RINGGIT MALAYSIA MENINGKAT BERBANDING POUND STERLING, MATAWANG UTAMA YANG DIGUNAKAN OLEH PASARAN LOGAM LONDON, PASARAN UTAMA BAGI TIMAH.

KENAIKAN ITU SEBENARNYA IALAH GAMBARAN YANG DITUNJURKAN OLEH PENURUNAN NILAI POUND BRITAIN.

BELIAU BERKATA KEJATUHAN SECARA BERANSUR-ANSUR DALAM PERMINTAAN DAN JUGA HARGA-HARGA BOLEH DIATASI OLEH PARA PENGELUAR BERHUBUNG KEPADA PERINGKAT TERTENTU DENGAN MENJALANKAN KEGIATAN PELBAGALAN DAN MENGURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA SATU KOMODITI SEMATA-MATA.

BELIAU BERKATA MALAYSIA YANG TELAH LAMA BERGANTUNG KEPADA TIMAH DAN GETAH, MENYEDARI TANDA-TANDA ITU DAN SECARA SISTEMATIK MEMINDAHKAN TUMPUANNYA KEPADA MINYAK SAWIT, KOKO, KAYU BALAK DAN PETROLEUM.

INI TELAH MEMBERIKAN PULANGAN YANG BESAR KERANA IANYA SUDAH TENTU MENGURANGKAN KESAN KEMEROSOTAN HASIL DARIPADA TIMAH DAN GETAH.

TETAPI MASALAHNYA IALAH BAGAIMANA UNTUK MENGGELAKKAN PARA PENGELUAR TRADISIONAL DAN BARU SUPAYA TIDAK MENAMBAHKAN BEKALAN BILA HARGA MENINGKAT SEMULA BERIKUTAN KEKURANGAN PENAWARAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR PERCAYA BAHAWA ADALAH PENTING BAGI PENGELUAR YANG CEKAP MENJAUHI PARAS KEUNTUNGAN YANG BESAR.

DALAM JANGKA PANJANG, PARAS KEUNTUNGAN YANG KECIL ADALAH LEBIH SELAMAT BAGI SEBARANG PERNIAGAAN TERMASUK PERDAGANGAN KOMODITI-KOMODITI, TAMBAHNYA.

PERSOALANNYA SEKARANG IALAH SAMA ADA SESUATU BOLEH DIJALANKAN, UNTUK MEMPERBAIKI KEADAAN, SEKURANG-KURANGNYA UNTUK MEMPERLAHANKAN KADAR KEJATUHAN.

+JAWAPAN YANG TEPAT KEPADA PERSOALAN KEJATUHAN PERMINTAAN IALAH DENGAN MENGURANGKAN PENAWARAN,+ KATANYA.

+SEKIRANYA PERJANJIAN ANTARA BEBERAPA NEGARA BERTUJUAN MENGURANGKAN PENGELUARAN GAGAL, LANGKAH BERIKUTNYA IALAH SUPAYA SEMUA PENGELUAR YANG MENGALAMI KOS PENGELUARAN YANG TINGGI KELUAR DARIPADA PERNIAGAAN ITU,+ TAMBAHNYA. -SE BERNAMA-